

## Pendekatan *Taqlid* dalam Pengiraan Zakat Padi: Tinjauan di Daerah Pendang, Kedah

Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain

Pusat Pengajian Undang-Undang, UUM-COLGIS, 06010 UUM Sintok, Kedah  
[az.alias@uum.edu.my](mailto:az.alias@uum.edu.my) [hmazam@uum.edu.my](mailto:hmazam@uum.edu.my)

### ABSTRAK

Zakat tanaman adalah merupakan salah satu daripada jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak. Tanaman padi adalah tergolong dalam jenis tanaman yang wajib dikeluarkan zakat apabila hasil yang diperoleh itu mencapai *nisab* yang telah ditetapkan oleh syarak. Proses evolusi serta kemasukan teknologi moden yang berlaku dalam bidang pertanian berjaya mempertingkatkan hasil tanaman padi terutamanya yang melibatkan projek penanaman padi secara perladangan. Kos modal yang digunakan oleh para petani turut meningkat. Kajian ini berbentuk sosio-perundangan, iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan, iaitu sains sosial dan undang-undang khusus polisi, dan peraturan. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat. Artikel ini juga akan menghuraikan kaedah *taqlid* dalam pengiraan zakat padi melalui tinjauan amalan di Pendang, Kedah. Persoalan berkaitan sejauh mana kaedah pengiraan semasa masih relevan diteruskan atau memerlukan kepada pemakaian kaedah lain yang sedia ada berdasarkan kepada mazhab-mazhab lain yang diiktiraf oleh syarak. Perbincangan bertujuan untuk melihat kesesuaian kaedah untuk diterima pakai dan tidak sekali-kali bertujuan mengetepikan hukum *Fiqh* yang sedia dipraktikkan, sebaliknya mencari penyelesaian demi untuk kemaslahatan bersama khususnya kepada para petani muslim serta memenuhi *maqasid* dan falsafah pensyariatan Zakat.

**Kata kunci:** Zakat Tanaman, Padi, *Taqlid*, Nisab, Pendang

## 1.0 PENDAHULUAN

Zakat tanaman bermaksud mengeluarkan kadar yang tertentu daripada hasil tanaman tertentu yang mencukupi syarat-syarat tertentu untuk diberikan kepada golongan-golongan tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak (al-Syirazi, 1959).

Secara umumnya, syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk mewajibkan zakat tanaman ialah Islam (al-Syirazi, 1959), merdeka (al-Syirazi, 1959; al-Muti'I, t.t) milik yang sempurna (al-Syirazi, 1959), harta yang berkembang (al-Qaradawi, 1994), cukup nisab (al-Sarakhsyi, 1978), melebihi keperluan biasa (al-Qaradawi, 1994) dan bebas daripada hutang (al-Qaradawi, 1994). Syarat *hawl* tidak dikenakan ke atas zakat tanaman. Ketiadaan syarat *hawl* ini juga yang membezakan antara zakat tanaman dengan zakat harta-harta yang lain (al-Sarakhsyi, 1978).

Para fuqaha' telah berselisih pendapat mengenai jenis tanaman yang dikenakan zakat. Secara ringkasnya, perselisihan pendapat yang berlaku adalah sebagaimana di bawah;

- (a) Mazhab Hanafi berpendapat semua tanaman yang ditanam oleh manusia untuk tujuan mendapatkan hasil adalah dikenakan zakat (al-Marghinani, t.t);
- (b) Mazhab Maliki dan Shafii berpendapat tanaman yang wajib dikeluarkan zakat ialah tanaman yang boleh disimpan dan merupakan makanan ruji bagi sesuatu tempat (al-Qaradawi, 1994; al-Syirazi, 1959; al-Shafi'I, 1973; al-Muti'i, t.t; al-Ramli, 1967).
- (c) Mazhab Hanbali berpendapat zakat dikenakan terhadap tanaman berdasarkan sifat-sifatnya, iaitu kering, tetap dan dapat ditimbang (Ibn Qudamah, 1972).

Berdasarkan kepada tinjauan ringkas di atas, tanaman padi yang merupakan makanan asasi di Malaysia adalah wajib dikeluarkan zakat berdasarkan kepada Mazhab Shafii yang merupakan mazhab pegangan umat Islam di negara ini (Ahmad Hidayat, 2004).

## 2.0 KADAR BAYARAN ZAKAT TANAMAN

Kadar zakat tanaman ini bermaksud jumlah tertentu yang wajib dikeluarkan oleh pemilik harta yang mencukupi syarat-syarat yang mewajibkan pengeluaran zakat. Bagi tanaman, kadar zakatnya telah ditentukan oleh Rasulullah SAW menurut riwayat Ibn 'Umar (al-Bukhari, 1993) dan juga riwayat daripada Jabir (Muslim, 2006). Daripada hadis tersebut difahami bahawa:

- a) Sekiranya tanaman itu mendapat air daripada sumber semula jadi seperti hujan dan sungai, maka kadar pengeluarannya adalah satu persepuhluh (10 peratus).
- b) Sekiranya tanaman itu mendapat air dengan cara siraman air yang diangkut dengan alat pengangkut air, maka kadarnya ialah setengah satu persepuhluh (5 peratus). Sekiranya tanaman itu mendapat air daripada kedua-duanya, maka ia dilihat kepada kadar ia mendapat air tersebut, iaitu;
  - 1- Sekiranya ia mendapat sebahagian daripada sumber semula jadi dan sebahagian daripada usaha manusia, maka kadarnya ialah tiga perempat persepuhluh, iaitu 7.5 peratus.
  - 2- Sekiranya mendapat air daripada sumber semula jadi lebih banyak, maka kadarnya ialah 10 peratus.
  - 3- Sekiranya mendapat air daripada usaha manusia lebih banyak, maka kadarnya ialah 5 peratus.
  - 4- Sekiranya tidak diketahui kadar mana yang lebih banyak, maka ia akan dibahagi kepada dua bahagian yang sama banyak kerana tidak diketahui kadar yang sebenar. Maka, apabila kedua-duanya mencukupi lima *awsuq*, maka dihitunglah kadarnya, iaitu 5 peratus dan 10 peratus tetapi dengan syarat tidak memudaratkan hasilnya itu.

Apa yang dapat diperhatikan di sini, berlaku perbezaan dalam kadar pengeluaran zakat tanaman, iaitu dengan tiga kadar, sama ada 5 peratus atau 7.5 peratus atau 10 peratus daripada hasil itu apabila mencukupi nisabnya. Perbezaan kadar yang wajib dikeluarkan ini adalah berdasarkan kepada kadar penggunaan tenaga yang dilakukan. Semakin sedikit dan ringan tenaga digunakan, maka semakin sedikit kadar yang wajib dikeluarkan.

Dalam hal ini, tidak ada perselisihan dalam kalangan para fuqaha' mengenai kadar yang mewajibkan pengeluaran zakat pertanian ini kecuali Imam Abu Hanifah yang berpendapat sebaliknya. Beliau berpendapat bahawa zakat wajib dikeluarkan sama ada sedikit atau banyak hasil yang diperolehi (Ibnu Qudamah, 1994). Namun pendapat ini adalah bertentangan dengan hadis *sabih* di atas (Al-Bukhari, 1993).

Jika dilihat dengan lebih mendalam, dapat disimpulkan di sini bahawa prinsip utama dalam pengiraan zakat harta ialah bebannya adalah lebih berat apabila tenaga yang digunakan untuk mendapatkan hasil adalah sedikit dan akan menjadi lebih ringan apabila tenaga yang dicurahkan lebih banyak, iaitu kadar zakatnya lebih banyak apabila tenaga yang digunakan adalah sedikit dan begitulah sebaliknya.

### 3.0 KONSEP *TAQLID DALAM HUKUM ISLAM*

*Taqlid* dari segi bahasa bererti meletakkan sesuatu di tenguk, manakala dari sudut istilah *Usul* membawa maksud mengambil pendapat orang lain tanpa mengetahui dalilnya (Wahbah al-Zuhayli, 1996). Penerangan dari maksud istilah usul ialah menerima apa sahaja hukum yang difatwakan oleh para ulama *mujtahidin* tanpa usul periksa atas penilaian ianya adalah merupakan suatu hakikat syarak yang perlu diikuti (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 1992).

Amalan *taqlid* bukanlah sesuatu yang baru dalam sejarah perkembangan hukum Islam dan bukanlah suatu yang ditegah dalam Syariat Islam (Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Ibid). Namun, ia merupakan amalan majoriti umat Islam pada setiap zaman. Perkara berkaitan dengan *taqlid* ini adalah merupakan perkara realiti dan sesuai dalam kehidupan masyarakat semasa.

Walaupun pada asalnya *taqlid* adalah perkara yang dicela dan dilarang kerana mengikut tanpa berdasarkan kepada dalil dan bukti terutamanya yang membawa kepada berlakunya *ta'assub* yang tercela dalam kalangan *muqalladin* (yang bertaqlid) (Mohd Saleh Haji Ahmad, 1999). Namun begitu, dalam masalah berkaitan dengan perkara Fiqh, para Ulama telah berbeza pendapat (Mohd Saleh Haji Ahmad, ibid);

- (a) tidak harus sama sekali bertaqlid, bahkan setiap mukallaf adalah wajib berijtihad dan mempelajari segala ilmu yang diperlukan bagi ijtihad;
- (b) harus bertaqlid pada semua orang, sama ada yang mampu berijtihad atau tidak;
- (c) *taqlid* hanyalah diharuskan kepada yang tidak mampu berijtihad sahaja. Bagi mereka yang mampu berijtihad, hukumnya adalah haram.

Pendapat muktamad dalam kalangan ulama *al-Usul al-Muhaqqiqin* adalah wajib ke atas mereka mengikut pendapat *mujtahid*, bertaqlid dan beramal dengan fatwanya. Ianya berasaskan kepada dalil al-Qur'an dalam surah al-Anbiya', ayat 7 yang bermaksud;

“*maka tanyalah olehmu orang-orang yang berilmu jika kamu tidak tahu*”

Ayat ini memerintahkan setiap mereka yang tidak berilmu dan tidak mampu mengetahui hukum-hukum syarak dengan cara ijtihad supaya bertanya dan meminta fatwa kepada orang yang berilmu (Mohd Saleh Haji Ahmad, 1999).

Mazhab-mazhab Fiqh yang dipelopori oleh tokoh-tokoh agung ulama *mujtahidin* yang terkenal dengan kealimannya, ketinggian ijtihadnya, kewarakan serta ketaqwaaan mereka sememangnya telah lama wujud. Namun ada di antaranya yang telah pupus. Sehingga kini empat mazhab utama masih kekal diamalkan,

dipertahankan dan dikembangkan, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Shafii dan Hanbali.

Bagi seseorang yang mencapai tahap *mujtabid*, dia tidak harus bertaqlid. Sebaliknya dia berkewajipan mengetahui segala hukum itu dari sumbernya melalui penyelidikan, kajian dan *ijtihad*. Berbeza dengan seseorang yang tidak mencapai tahap *mujtabid*, maka orang itu adalah wajib mengikut ulama *mujtabidin* dengan cara meminta fatwa dan pendapat daripada para *mujtabid*. Justeru, orang awam hendaklah berpegang kepada salah satu mazhab daripada mazhab-mazhab yang masyhur dan diiktiraf dalam Islam (Mohd Saleh Haji Ahmad, 1999).

Bagi seseorang yang berpegang kepada mazhab tertentu adalah diharuskan mengikut mazhab lain dalam sesetengah masalah. Hal ini demikian kerana tidaklah wajib dia terikat dengan kesemua *ijtihad* mazhab yang menjadi ikutannya, tetapi ikutan kepada mazhab lain itu hendaklah berasaskan kepada dalil-dalil yang mendorongnya beralih dari mazhab pegangannya kepada mazhab lain dalam masalah tertentu itu. Dia juga diharuskan untuk bertanya kepada mana-mana ulama lain dari mazhabnya tentang hukum syarak dalam apa juga masalah dan beramal dengan fatwanya (Mohd Saleh Haji Ahmad, Ibid).

Menurut pendapat dan fatwa ulama *muta'akhiran* mazhab Shafii seperti al-Syeikh Ibn Hajar, orang awam tidaklah wajib terikat dengan mazhab tertentu bahkan harus baginya berpindah dari satu mazhab kepada mazhab-mazhab lain yang *muktabar* walaupun dengan semata-mata keinginan, sama ada berpindah terus buat selama-lamanya atau pada masalah-masalah tertentu sahaja, walaupun telah difatwakan atau diputuskan hukuman atau telah mengamalkan pandangan mazhab pertama yang menyalahi pandangan mazhab kedua yang bakal diikuti. Keharusan ini tertakluk kepada syarat (Mohd Saleh Haji Ahmad, Ibid);

- (a) jangan bertaqlid itu sampai membawa kepada fanatik;
- (b) tidak bertujuan mencari-cari yang *rukhsah*, iaitu mengambil yang mudah-mudah dari setiap mazhab kerana boleh membawa kepada dosa dan setengah ulama berpendapat boleh menjadi *fasiq*.

Selain itu, masyarakat juga boleh menggunakan kaedah *talfiq* selain *taqlid*. Elemen ini membuktikan bahawa fiqh Islam bersifat fleksibel dan luas cakupannya. Menurut Dr. Abd Karim Zaidan (2002);

*"Harus seorang pengikut mazhab mengikut atau beramal dengan pandangan mazhab lain asalkan hal tersebut dilakukannya kerana suatu dalil yang mengajaknya untuk berpindah dari mazhabnya ke mazhab lain dalam masalah-masalah tertentu. Begitu*

*juga harus ia bertanya ulama yang bukan dari mazhabnya berkenaan suatu hukum syarak dalam suatu masalah dan beramal dengan fatwa yang diberikan”.*

Kesimpulannya, talfiq diharuskan jika tujuannya bukan untuk mempermudah-mudahkan agama seperti sengaja mencari pandangan-pandangan yang senang dan mudah dari mazhab-mazhab yang ada untuk menjadi amalan atau pegangan agama. Talfiq sebegini akan membawa kepada rosak agama jika dibenarkan.

Berdasarkan kepadauraian ringkas pendapat-pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa amalan bertaqlid kepada mazhab lain yang diiktiraf oleh yarak adalah sesuatu yang harus selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak.

#### **4.0 TAQLID DALAM PENENTUAN NISAB ZAKAT PADI**

Hasil tanaman adalah tidak dikenakan zakat melainkan mencapai nisabnya, iaitu lima *awsuq* (al-Ramli, 1967). Hal ini adalah berdasarkan kepada hadis *sahih muttafaq ‘alayh*, riwayat Abu Sa’id al-Khudri bahawa sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (al-Bukhari, t.t.):

“Tidak dikenakan zakat (tanaman dan buah-buahan) yang tidak sampai lima *awsuq*”

Nisab adalah dikira berdasarkan kepada *kayl* (sukatan). *Wasaq* adalah sejenis sukatan. *Sa'* (gantang) adalah merupakan sukatan penduduk Madinah pada zaman Rasulullah SAW kadar satu *wasaq* adalah bersamaan dengan 60 *sa'* (gantang). Satu gantang adalah bersamaan dengan empat *mudd* (cupak). Jika dikira berdasarkan kepada kati, ia menyamai 5 1/3 kati, iaitu dengan perkiraan satu kati bersamaan dengan 675 gram, maka nisab tanaman yang dikenakan zakat, iaitu lima *awsuq* adalah bersamaan dengan 635 kilogram atau 50 *kayl* Mesir (Wahbah al-Zuhayli, 1989).

Nisab dikira selepas hasil tanaman itu dikeringkan dan dibersihkan. Bagi biji-bijian, ia hendaklah dibersihkan daripada hampa dan kulitnya. Hal ini demikian kerana ia tidak disimpan bersama kulitnya dan tidak dimakan bersamanya. Setelah itu barulah disukat hasil itu, tetapi bagi biji-bijian yang disimpan dengan kulitnya yang dapat menjaganya dari kerosakan, maka nisabnya adalah 10 *awsuq*. Dalam hal ini, hasil padi adalah tergolong dalam kategori yang disimpan dengan kulitnya kerana jika dipisahkan ia akan merosakkan beras tersebut. Oleh itu, nisab zakat padi ialah 10 *awsuq* (Wahbah al-Zuhayli, 1989; al-Qaradawi, 1994).

Bagi negeri Kedah, nizab zakat padi ini adalah 2 kunca 2 nalah 6 gantang 1 cupak 2 kepol. Kiraan ini adalah bersamaan dengan 1 300.449 kilogram (Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982, Seksyen 13). Perolehan hasil padi yang kurang daripada had ini tidak dikenakan zakat kerana tidak mencapai nisab zakat (al-Haj Zakaria bin al-Haj Ahmad Wan Basyir, 1998).

## 5.0 KADAR BAYARAN ZAKAT PADI

Kadar bayaran zakat tanaman adalah merupakan jumlah tertentu yang wajib dikeluarkan oleh pemilik tanaman yang memenuhi syarat-syarat yang mewajibkan zakat dikeluarkan. Kadar zakat yang dikenakan adalah berpandukan kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (al-Bukhari, t.t);

*“Pada apa yang diairi sungai dan mata air dikenakan sepersepuluh (10%), dan pada apa yang disirami dengan mengangkat air (ditimbakan) dikenakan setengah dari persepuuh (5%)”*

Hadis di atas menjelaskan bahawa;

- (i) sekiranya tanaman itu mendapat air daripada sumber semula jadi seperti air hujan dan sungai, kadar zakat yang dikenakan adalah satu persepuuh (10%);
- (ii) sekiranya tanaman itu mendapat air dengan cara siraman air yang diangkut dengan alat pengangkut air, kadarnya adalah setengah satu persepuuh (5%).

Manakala tanaman yang mendapat air daripada kedua-dua cara di atas, kadar zakatnya adalah bergantung kepada kadar ia mendapat air (al-Syirazi, 1959);

- (i) jika ia mendapat air sebahagian daripada sumber semula jadi dan sebahagian daripada usaha manusia, kadarnya ialah tiga perempat persepuuh (7.5%);
- (ii) jika mendapat air daripada sumber semula jadi lebih banyak, kadarnya ialah satu persepuuh (10%);
- (iii) jika mendapat air daripada usaha manusia lebih banyak, kadarnya ialah setengah satu persepuuh (5%);
- (iv) jika tidak diketahui kadar mana lebih banyak, ia akan dibahagi kepada dua bahagian yang sama banyak. Apabila kedua-duanya mencapai nisab zakat tanaman, akan dihitung kadarnya, iaitu 5% dan 10% dengan syarat tidak memudarangkan hasil tersebut.

Jelas di sini menunjukkan bahawa berlakunya perbezaan dalam kadar pengeluaran zakat tanaman sama ada 5%, 7.5% atau 10% daripada hasil tanaman yang mencukupi nisabnya. Perbezaan yang berlaku ini adalah berkadar terus dengan kadar penggunaan tenaga manusia yang telah digunakan. Semakin sedikit dan ringan tenaga digunakan, semakin tinggilah kadar zakat yang perlu dikeluarkan. Begitulah juga sebaliknya.

Berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982, diperuntukkan bahawa kadar yang wajib bagi perolehan kasar padi bagi satu musim yang mencapai nisab 2 kunca, 2 nalah, 6 gantang, 1 cupak, 2 kepol atau bersamaan dengan 1 300.449 kilogram, kadar zakatnya ialah 10% (Peraturan-peraturan Zakat Tahun 1982, Seksyen 13).

## **6.0 AMALAN SEMASA KAEDAH PENGIRAAN ZAKAT PADI DI NEGERI KEDAH**

Amalan semasa memperlihatkan bahawa pengurusan tanaman padi telah berkembang maju dan para petani tidak lagi perlu mengeluarkan tenaga yang banyak. Ia juga melibatkan penggunaan masa yang lebih singkat dan mampu mempertingkatkan hasil tanaman. Apatah lagi dengan kemasukan teknologi moden yang mampu mempertingkatkan hasil tanaman. Para petani tidak lagi menyimpan padi untuk kegunaan keluarga. Sebaliknya hasil padi akan dijual semuanya untuk mendapatkan wang bagi kegunaan sehari-hari.

Begitu juga dalam urusan penjualan hasil padi, dua kaedah digunakan, iaitu sistem penggunian dan sistem pukal. Bagi sistem penggunian, padi yang dituai dengan jentuai akan dimasukkan ke dalam guni terlebih dahulu dan kemudiannya barulah dibawa ke pusat-pusat pembelian padi, manakala sistem pukal pula padi yang dituai terus dimasukkan ke dalam lori tanpa digunakan terlebih dahulu dan terus dibawa ke pusat-pusat pembelian. Namun dari sehari ke sehari, sistem pukal lebih mendapat tempat kerana urusannya lebih praktikal berbanding kaedah penggunian.

Implikasi penggunaan sistem pukal juga menyebabkan kaedah yang digunakan untuk menyukat hasil padi turut berubah. Sebelumnya, pengiraan adalah berdasarkan kepada jumlah guni yang diperolehi. Melalui sistem pukal, hasil yang diperolehi berdasarkan kepada timbangan padi tersebut secara terus. Ini berbeza dengan kaedah penggunian yang mana berat setiap guni dicampur untuk mengetahui hasil keseluruhan yang diperolehi. Penggunaan kaedah pukal adalah lebih praktikal, mudah dan menjimatkan kos buruh.

Amalan semasa memperlihatkan bahawa berlakunya perubahan dalam pengurusan hasil padi bermula daripada ditanam sehingga padi dijual. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, terdapat dua kaedah pengiraan hasil padi, iaitu berdasarkan kepada kaedah penggunaian dan kaedah pukal. Berdasarkan kepada kaedah penggunaian, amalan pengiraan zakat padi yang mencukupi nisabnya adalah berdasarkan kepada hasil setiap sepuluh guni padi akan dikeluarkan zakatnya, iaitu seguni padi (satu persepuhl atau 10%). Begitulah kiraan seterusnya berdasarkan kepada jumlah guni padi yang diperolehi, manakala petani yang menggunakan sistem pukal pula ialah dengan mengetahui nisab zakat padi tersebut terlebih dahulu setelah dijual. Kemudian barulah jumlah hasil yang diperolehi itu akan dikira zakatnya dengan mengeluarkan sebanyak 10% daripada hasil jualan tersebut.

Dalam hal ini, para penulis mengemukakan kaedah pengiraan sebagaimana yang dipraktikkan oleh para petani di Negeri Kedah. Walaupun ramai petani yang tidak lagi menggunakan kaedah penggunaian. Jadual di bawah menjelaskan kaedah pengiraan zakat padi yang digunakan melibatkan kaedah penggunaian dan juga kaedah pukal.

**Jadual 1: Contoh Kaedah Pengiraan Zakat Padi**

Perkara	Sistem Penggunaian	Sistem Pukal
Hasil padi yang diperolehi	20 guni	2,000 kg
Nisab zakat padi	13.69 guni	1300.499 kg
Kadar yang wajib	$20 \text{ guni} \times 10\% = 2 \text{ guni}$	$2000 \text{ kg} \times \text{RM}0.8981 \times 10\% = \text{RM}179.62$
Jumlah wajib dikeluarkan	2 guni padi	RM179.62

Nota : Purata berat setiap guni padi ialah 95 kg. Harga yang dinyatakan di atas adalah harga semasa padi sekilogram dan termasuklah subsidiinya sekali.

Berpandukan kepada jadual di atas, bagi kaedah penggunaian, nisab zakatnya ialah lebih kurang 13.69 guni. Bagi petani yang memperolehi hasil 20 guni padi sebagai contohnya, zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 2 guni padi, manakala dalam kaedah pukal pula, seandainya petani itu mendapat hasil 2000kg yang mana nilainya termasuk subsidi ialah RM1796.20. Nilai ini adalah mencukupi nisab zakatnya, iaitu 1300.449kg. Setelah dijual, zakat yang diwajibkan ialah RM179.62 (10%).

Berdasarkan kepada amalan semasa masyarakat, zakat adalah dikeluarkan sebaik sahaja hasil padi diperolehi dan tidak mengira segala perbelanjaan pengurusan yang digunakan semasa mengusahakan sawah tersebut. Dengan lain perkataan, kaedah pengiraan zakat yang dipraktikkan ialah mengeluarkan zakat dengan

berdasarkan kepada pendapatan kasar sebelum ditolak kos perbelanjaan pengurusan (modal).

Persoalan yang timbul, bagaimakah dengan perbelanjaan pengurusan tanaman atau modal yang telah digunakan oleh para petani dalam melakukan perkiraan nisab zakat padi tersebut? Bagaimakah dengan para petani yang hanya memperolehi hasil yang mencukupi nisab sahaja sebelum ditolak segala perbelanjaan yang telah digunakan? Jelasnya, selepas ditolak zakat daripada perolehan kasar, pemilik tanaman padi itu perlu menolak pula kos pengurusan tanaman padi itu. Akhir sekali barulah dikira berapa perolehan bersih mereka.

Para penulis menitikberatkan persoalan ini kerana berdasarkan kepada situasi semasa, pekerjaan sebagai pesawah bukan lagi sesuatu yang mendatangkan nilai komersil kepada petani, tetapi penanaman padi adalah lebih merupakan kepada perolehan untuk sara hidup sahaja dewasa ini. Dengan lain perkataan, ianya hanya sebagai sumber pendapatan bagi menjalani kehidupan sehari-hari dan bukan sebagai sumber kekayaan.

Merujuk kepada kos perbelanjaan mengusahakan sawah padi, ternyata perbelanjaan pengurusan padi ketika ini adalah tinggi. Petani-petani di negeri Kedah sebagai contohnya, perbelanjaan yang diperlukan dalam mengusahakan sawah padi bagi setiap relung secara puratanya adalah sebagaimana berikut:

1. Upah membajak dan membadi sawah dengan jentera	RM 75.00
2. Harga benih padi	RM 42.00
3. Upah menabur, meracun dan manajak batas	RM 30.00
4. Racun rumpai	RM 60.00
5. Baja tambahan	RM 45.00
6. Jentuai padi	RM 75.00
7. Upah lori menjual padi (RM 2.00 x 18 guni)	RM 36.00

**Jumlah** **RM 368.00**

Pengiraan di atas adalah merupakan modal purata bagi keluasan serelung padi yang diusahakan oleh petani. Setiap relung memerlukan modal mengusahakan secara puratanya RM 368.00. Namun begitu, bagi pengusaha yang mengusahakan sendiri tanpa memerlukan kepada upah menabur, meracun dan menjak batas, maka perbelanjaan modal adalah kurang sedikit dan keseluruhannya adalah RM 338.00 sahaja bagi setiap relung yang diusahakan.

Manakala dilihat daripada jumlah hasil yang akan diperolehi bagi serelung padi yang diusahakan adalah dengan berdasarkan kepada purata perolehan hasil bagi serelung sawah padi boleh menghasilkan sebanyak lapan belas guni padi

(Pertubuhan Peladang Kawasan Kubur Panjang, Kedah). Walau bagaimanapun, berat seguni padi secara purata ialah 95 kg. (Beras Nasional Sdn. Bhd. (Bernas), Bukit Raya, Pendang, Kedah).

Harga semasa sekilogram padi (termasuk subsidi) ialah RM 0.8981 (Harga sebagaimana dikeluarkan oleh Bernas dan dikira pakai oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah). Maka setiap guni padi yang purata beratnya 95kg berharga RM 85.3195. Sekiranya setiap relung mencapai 18 guni maka hasil yang akan diperolehi bagi setiap relung ialah RM 1535.751.

Sekiranya dihitung pendapatan bersih di sini, hasil yang diperolehi ditolak dengan modal, iaitu hanyalah sebanyak RM 1167.751 (RM 1535.751 - RM 368.00 = RM 1167.751). Maka di sini perolehan untuk setiap relung hanyalah RM 1167.751 sahaja bagi setiap relung diusahakan. Ini adalah berdasarkan kepada sawah yang diusahakan adalah sawah kepunyaan sendiri, iaitu tidak menyewakan daripada orang lain.

Walau bagaimanapun, sekiranya sawah itu disewakan, perbelanjaan yang diperlukan adalah lebih daripada itu. Berdasarkan kepada amalan penyewaan sawah di daerah Pendang, Kedah contohnya, setiap relung sawah disewakan dengan harga RM 350.00 bagi semusim ia diusahakan, malah ada sewaan yang mencapai hingga RM 400.00. Seandainya seseorang petani itu mengusahakan sawah yang disewa, maka keseluruhan modal yang dikeluarkan ialah RM 718.00 (RM 368.00 + RM 350.00). Pendapatan bersih hanyalah sebanyak RM 817.751 (RM 1535.751 - RM 718.00) sahaja. Secara ringkasnya pendapatan bersih yang akan diperolehi adalah sebagaimana berikut:

1. Sawah sendiri;

Hasil	RM 1535.751
Modal	RM 368.00

**Jumlah bersih RM 1167.751**

2. Sawah disewa;

Hasil	RM 1535.751
Modal	RM 718.00

**Jumlah bersih RM 817.751**

Apa yang jelas di sini, seandainya ditolak semua modal itu, pendapatan bersih bagi setiap hasil yang mencapai lapan belas guni padi belum lagi mencapai jumlah nisab zakat padi, iaitu RM 1167.97, iaitu masih kekurangan RM 0.219 bagi petani yang mengusahakan sawahnya sendiri. Walau bagaimanapun, bagi petani yang menyewa sawah pula, maka kadarnya masih belum mencapai kadar

nisab setelah ditolak segala perbelanjaan pengurusan padi tersebut. Jadi, zakat tidak diwajibkan terhadap pendapatan tersebut.

Pengiraan yang ditunjukkan adalah bagi kadar serelung sawah padi yang perolehannya boleh mencapai jumlah purata sebagaimana yang dinyatakan. Perlu difahami bahawa hasil tanaman yang diperolehi tidak semestinya sebagaimana yang dinyatakan. Ini adalah melihat kepada masalah-masalah yang mungkin timbul seperti tanaman kekurangan air yang pastinya akan menjaskan hasil tanaman.

Hasil yang diperolehi juga adalah berbeza daripada satu kawasan ke satu kawasan yang lain kerana sesetengah pengusaha mendapat bantuan sistem pengairan seperti tali air. Sementara sesetengah yang lain hanya bergantung kepada air hujan semata-mata. Pengiraan juga adalah memberikan tumpuan kepada penanaman secara separa perladangan dan bukannya secara perladangan. Penanaman secara perladangan yang diusahakan oleh para petani biasanya dengan keluasan yang kecil sahaja, bahkan ada yang keluasannya tidak mencapai serelung.

Pengiraan yang ditunjukkan bagi serelung sawah padi yang diusahakan memperlihatkan bahawa kos modal yang digunakan dalam penanaman padi adalah tinggi. Dilihat kepada contoh serelung padi diusahakan di atas didapati sekiranya dikira daripada perolehan kasar, hasil padi tersebut akan mencapai nisab zakatnya, maka zakat adalah diwajibkan. Walau bagaimanapun, jika dikira berdasarkan kepada perolehan bersih, hasil tersebut adalah tidak mencapai nisabnya. Justeru, jika serelung sawah padi diusahakan dan hasil yang diperolehi sebagaimana yang dinyatakan, maka zakat tidak perlu dikeluarkan.

Perkara mengenai nisab ini tidak akan menjadi masalah sekiranya, petani mengusahakan tanaman padi dengan keluasan melebihi daripada serelung yang hasilnya sudah pasti akan melebihi daripada nisab zakat padi. Namun perkara yang perlu diambil kira adalah penglibatan kos yang semakin tinggi dalam pengurusan tanaman padi. Apatah lagi sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir. Petani terpaksa mengeluarkan modal sekali lagi untuk penanaman semula akibat pokok padi yang rosak. Begitu juga akibat serangan serangga dan sebagainya yang memerlukan perbelanjaan tambahan penjagaan tanaman padi.

## 7.0 PEMAKAIAN KAEDEAH *TAQLID* MAZHAB DALAM PENGIRAAN ZAKAT PADI

Kita sedia maklum bahawa negara Malaysia adalah berpegang kepada mazhab Shafii. Dalam hal zakat tanaman, pengiraannya adalah berdasarkan kepada zakat dikira daripada perolehan asal tanpa menolak kos perbelanjaan, manakala mazhab Hanafi pula berpendapat zakat dikira selepas ditolak kos perbelanjaan pengurusan. Berdasarkan fenomena semasa, mungkinkah kaedah *bertaqlid* kepada mazhab Hanafi dalam pengiraan zakat padi harus diperaktikkan?

Melihat kembali kepada hukum *bertaqlid* dalam sesetengah masalah fiqh kepada mazhab-mazhab lain yang diiktiraf oleh syarak, hukumnya adalah diharuskan. Keharusan itu adalah berasaskan kepada dalil-dalil yang mendorongnya beralih dari mazhab pegangannya kepada mazhab lain dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Namun amalan *taglid* itu bukanlah bertujuan untuk mencari *rukhsah* (Mohd Saleh Haji Ahmad, 1999). Jelasnya amalan *bertaqlid* kepada mazhab lain yang diiktiraf oleh syarak adalah sesuatu yang harus selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Perkara ini turut dibincangkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah, iaitu zakat hanya dikenakan di atas perolehan bersih setelah ditolak segala perbelanjaan pengurusan oleh petani semasa mengusahakan tanamannya pada setiap musim. Tidak dinafikan bahawa perkara ini adalah bersalah dengan amalan masyarakat yang berpegang kepada mazhab Shafii, iaitu zakat dikenakan di atas semua perolehan asal tanpa mengambil kira soal perbelanjaan untuk mengusahakannya (Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Fatwa No. 86).

Perkara yang menjadi pertimbangan oleh Jawatankuasa Fatwa adalah berdasarkan kepada suasana kehidupan para petani yang masih tergolong dalam kategori yang berpendapatan rendah. Seandainya kutipan zakat padi itu dijalankan sebagaimana yang biasa dalam masyarakat, maka ia akan menjadi beban yang berat ke atas mereka (Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Fatwa No. 86).

Merujuk kepada Kitab al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu (Wahbah al-Zuhayli, 1989) menyatakan:

*"Sekiranya projek separa peladang itu dilaksanakan, maka kutipan zakat padi hasil daripada projek ini bolehlah dilakukan dengan bertaqlid kepada Mazhab Abi Hanifah yang mensyaratkan harta yang wajib dizakatkan itu, iaitulah harta yang bersih dari hutang dan dari keperluan asas pemiliknya*

*umpama nafkah, rumah kediaman dan pakaian dan umpama alat perkakas kerja dan kenderaan. Dengan itu, bebanan yang dipikul oleh petani akan menjadi ringan dan mereka akan mengeluarkan zakat dengan penuh kerelaan dan kutipan zakat akan menjadi bertambah mudah.”*

Melihat kepada fenomena yang berlaku ini, para penulis berpendapat adalah tidak menjadi suatu kesalahan seandainya para petani dalam kaedah pengiraan zakat padi ini bertaqlid kepada mazhab Hanafi, iaitu nisab dikira selepas ditolak segala kos perbelanjaan pengurusan tanaman padi. Ia juga amatlah bersesuaian dengan kos sara hidup masyarakat kini yang semakin meninggi.

Para petani tidak akan merasa beban dengan pengeluaran zakat yang dikenakan ke atas mereka dan dapat meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh mereka. Dengan ini, secara tidak langsung taraf hidup umat Islam akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya menggalakkan para petani agar mengusahakan tanah mereka dengan lebih giat lagi.

Aplikasi kaedah pengiraan ini akan menggalakkan para petani untuk mengeluarkan zakat berdasarkan kepada situasi semasa. Ianya bukanlah bertujuan untuk membebaskan para petani daripada kewajipan membayar zakat, malah ini akan memberikan rangsangan kepada mereka untuk membayar zakat kerana kadar zakat adalah berdasarkan kepada perolehan bersih hasil usaha mereka. Hal ini secara tidak langsung menjadikan para petani tidak merasakan beban terhadap kewajipan zakat ke atas mereka dan seterusnya perolehan kutipan zakat sudah pastilah akan bertambah dan mencapai tahap yang sepatutnya.

Selain daripada itu, timbul persoalan apakah kaedah ini hanya diaplikasi ke atas petani yang mengusahakan kawasan tanaman yang kecil sahaja atau separa perladangan dan tidak kepada petani yang mengusahakan tanaman secara perladangan. Adakah mereka juga boleh bertaqlid kepada mazhab Hanafi juga dalam pengiraan zakat? Dalam hal ini, para penulis berpendapat walaupun bertaqlid ini diharuskan dalam Islam, namun keharusan ini adalah tertakluk kepada syarat (Mohd Saleh Haji Ahmad, 1999);

- (a) jangan bertaqlid itu sampai membawa kepada *talfiq*;
- (b) tidak bertujuan mencari yang *rukhsah*, iaitu mengambil yang mudah-mudah dari setiap mazhab kerana boleh membawa kepada dosa dan setengah ulama berpendapat boleh menjadi *fasiq*.

Seandainya petani yang mengusahakan tanaman yang luas yang hasilnya adalah berlipat ganda dan sememangnya dia adalah berpegang kepada mazhab Shafii

dalam amalan seharian, adalah tidak wajar untuknya berpegang kepada mazhab Hanafi dalam hal ini. Hal ini demikian kerana *taqlid* tersebut adalah dilihat lebih kepada mencari *rukhsah* yang akan lebih menguntungkannya. Zakat yang diwajibkan ke atas mereka juga tidak akan mendatangkan beban memandangkan keuntungan yang diperoleh adalah berlipat ganda.

## 8.0 KESIMPULAN

Walaupun diharuskan kepada para petani yang mengusahakan tanaman padi separa perladangan bertaqlid kepada mazhab lain dalam kes pengiraan zakat padi, ia tidaklah menghalang mereka sekiranya ingin terus berpegang dengan pendapat mazhab Shafii. Umat Islam adalah bebas berpegang kepada pendapat manapun mazhab selagi mana tidak melanggar syarak. Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dilakukan dalam kertas kerja ini, fenomena semasa memperlihatkan bahawa kaedah pengiraan zakat padi lebih sesuai untuk dipraktikkan berdasarkan pendapat mazhab Hanafi, iaitu zakat yang akan dikeluarkan adalah berdasarkan kepada hasil perolehan bersih tanaman padi dan bukannya berdasarkan kepada perolehan kasar.

Ianya dilihat akan mendatangkan kebaikan kepada para petani dan menggalakkan para petani untuk mengeluarkan zakat apabila nisab zakat padi dicapai yang berdasarkan kepada perolehan bersih hasil usaha mereka. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan para petani tidak merasakan beban terhadap kefardhuan zakat ke atas mereka dan seterusnya falsafah kefardhuan zakat itu akan tercapai. Justeru, zakat akan berupaya bertindak sebagai instrumen yang mampu untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup umat Islam seluruhnya.

## RUJUKAN

- Abd Karim Zaidan. (2002). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Muassasah al-Risalah
- Abdul Aziz bin Mohd. Yassin. (1957). *Zakat : A Perspective on its Origin and Place The Malay Society*. Singapore : Universiti Malaya.
- Abdul Aziz bin Muhammad. (1993). *Zakat dan Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abu 'Ubaid, al-Qasim bin Salam. (1988). *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar al-Syuruk
- Ahmad Hidayat Buang. (2004). "Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia" dalam Fatwa di Malaysia, disunting oleh Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya.

- Audit Ghazali. (1989). "Fenomenan Pembayaran Zakat Melalui Saluran Tidak Rasmi – Satu Analisis Empirik". Di dalam Dr. Ali Baharum (editor). *Zakat Ditinjau Dari Persepektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- al-Bukhari. (1993). Kitab Zakat, *Bab La Sadaqah Illa 'An Zahri Qhani*, no. Hadith 1360.
- al-Bukhari. (1993). Kitab al-Zakat, *Bab Al-'Usyr Fi Ma Yuskha Min Ma' as-Sama' Wa Bil Ma' Al-Jari*, no. Hadith 1483
- al-Bukhari. (1993). Kitab al-Zakat, *Bab Laisa Fima Duna Khamsa Awasq Sadaqah*, no. Hadith 1484. Al-Asqalani, *Fath al-Bari*, 3: 350, hadith sahih.
- al-Khatib, Muhammad al-Syarbini. (1958). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'anī Alfaz al-Minhaj*. Jld. 1. Mesir : Syarikat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Khudari, Muhammad. (1965). *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Cet. 7. Kaherah.
- al-Marghinani, Abu Hassan 'Ali al-Farghani. (t.t). *al-Hidayat*. Jld. 1. Mesir: Mustafa al-Halabi.
- al-Muti'i, Muhammad Najib (t.t). *Takmilat al-Majmu' Syarb al-Muhadhdhab*. Jld. 5. Kaherah, Mesir: Matba'at al-Imam.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *Fiqh al-Zakat*. Cet. 21. Juz. 1. Kaherah: Maktabat Wahbat.
- al-Qurtubi, Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (1995). *Al-Jami'u al-Abkam al-Quran*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Ramli, Syams al-Din. (1967). *Nihayat al-Muhtaj ila Syarb al-Minhaj*. Juz. 3. Mesir: Syarikat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Sarakhsy, Syams al-Din. (1978). *al-Mabsut*. Cet. 3. Juz. 2. Jld. 1. Beirut, Lubnan : Dar al-Ma'rifat.
- Al-Shafi'e, Muhammad bin Idris. (1973). Kitab al-Umm. Beirut: Dar al-Turath al-Arabi.
- al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. (t.t). *Nayl al-Awtar Syarb Muntaqa al-Akhbar min Abadith Syyid al-Akhyar*. Cet. Terakhir. Juz. 4. Mesir: Syarikat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali al-Firuzabadi. (1959). *Al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Mesir: Syarikat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1984). *Fiqh dan Perundangan Islam*. (Terjemahan oleh Syed Ahmad Syed Hussain). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Juz Kedua. Damsyik: Dar-al-Fikr al-Islami.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad bin 'Abdullah bin Ahmad bin Mahmud. (1972). *Al-Mughni*. Juz. 2. Mesir: Maktabat al-Qahirat.
- Ibrahim Mustafa. (1960). *al-Mujam al-Wasit*. Kaherah.
- Imam Muslim. (2006). Kitab al-Zakat, Bab Ma Fihi al-,,Usyr al-Nisfu al-,,Usyr, no. Hadith 981. Muslim, Sahih Muslim Riyard: Dar at-Tayyibah.
- Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman ( t.t) *Fatwa*

- Kedah Darulaman.* Alor Setar, Kedah: Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darulaman.
- Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid. (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam.* Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Saleh Haji Ahmad. (1999). *Pengantar Syariat Islam.* Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Mujaini Tarimin. (1990). *Zakat Pertanian: Sistem dan Pelaksanaanya.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peraturan-peraturan Zakat Tahun. (1982).
- Zakaria (al-Haj) bin Ahmad Wan Basyir (al-Haj). (1998). *Matali' al-Nurayn.* Juz. 2. Alor Setar, Kedah: Pustaka Dar al-Salam.

